

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT  
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN UNTUK KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI  
PERUBATAN KE GRED UD 54 SELEPAS TAMAT MENJALANI  
LATIHAN SUB-KEPAKARAN**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan memberi kenaikan pangkat Pegawai Perubatan ke Gred UD54 selepas tamat menjalani latihan sub-kepakaran.

**2.0 LATARBELAKANG**

- 2.1 Buat masa kini, Pegawai Perubatan yang lulus latihan kepakaran akan dinaikkan pangkat ke Gred UD48. Setelah tamat latihan kepakaran, pakar akan menyambung pembelajaran untuk latihan sub-kepakaran contoh: Pakar Perubatan boleh menjalani latihan sub-kepakaran bagi bidang Kardiologi, Respiratori, Penyakit Berjangkit, Neurologi dan lain-lain.
- 2.2 Latihan sub-kepakaran ini amat diperlukan kerana negara kita masih lagi memerlukan ramai lagi pakar dengan sub-kepakaran tertentu.

### **3.0 ASAS PERTIMBANGAN**

- 3.1 Seorang Pegawai Perubatan mengambil sekurang-kurangnya 4 tahun untuk menamatkan latihan kepakaran untuk menjadi doktor pakar di bidang pilihan mereka. Kemudian pakar-pakar terpaksa menjalani lagi 3 tahun untuk latihan sub-kepakaran mereka. Oleh kerana rawatan dan keperluan perkhidmatan dari pakar yang telah menjalani latihan sub-kepakaran ini adalah amat kritikal, adalah munasabah untuk Pegawai Perubatan di naikkan pangkat ke Gred UD 54 iaitu selepas mereka tamat latihan sub-kepakaran.
- 3.2 Kenaikan pangkat ke Gred UD54 akan memberi insentif kepada doktor-doktor untuk berkhidmat dengan lebih giat lagi dan mengurangkan penghijrahan ke sektor swasta
- 3.3 Langkah ini akan meningkatkan lagi jumlah pendapatan seorang doktor yang berkhidmat.

### **4.0 IMPLIKASI KEWANGAN**

- 4.1 Jika kerajaan bersetuju menimbangkan permohonan ini sudah pasti ianya akan melibatkan pertambahan kewangan. Walaubagaimanapun, ini akan merupakan satu cara untuk mengurangkan doktor-doktor daripada

berhijrah ke perkhidmatan kesihatan swasta atau institut pengajian tinggi swasta.

- 4.2 Peningkatan kewangan kepada negara tidak begitu tinggi dan ini secara langsung akan memberi ganjaran yang lebih kepada doktor-doktor kerajaan, setimpal dengan Wawasan Malaysia ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

## **5.0 KESIMPULAN**

- 5.1 Permohonan ini adalah untuk menyeru kerajaan memberi lebih ganjaran yang setimpal dengan beban tugas kerja yang kritikal dan insentif untuk pegawai-pegawai perubatan untuk kekal berkhidmat sebagai pegawai kerajaan.

## **6.0 SYOR**

- 6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Professional dipohon untuk menimbang syor untuk memberi kenaikan pangkat Pegawai Perubatan ke Gred UD54 selepas tamat menjalani latihan sub-kepakaran.